

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
14 OGOS 2016
AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	RM150,00 BINA MEDAN SELERA	2
KOSMO	SUNTIK DANA RM150,00 BINA MEDAN SELERA	3



SINAR HARIAN

Sf 14/8/16

RM150,000 bina medan selera

Bantu tingkat pendapatan golongan nelayan, tawar makanan laut pada harga munasabah kepada pengguna

■ AZIZAN INCHE HARUN

PASIRGUDANG - Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM150,000 bagi pembinaan sebuah medan selera di Kampung Pasir Gudang Baru, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia bagi meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan yang majoritinya merupakan nelayan.

Menurutnya, medan selera yang dijangka siap pada tahun hadapan itu akan melengkapkan rantaian bidang yang boleh diceburi golongan berkenaan.

"Langkah tersebut merupakan projek serampang dua mata kerajaan yang akan dapat membantu golongan nelayan meningkatkan pen-

dapatan dan masyarakat setempat berbelanja mendapatkan makanan laut pada harga munasabah.

"Kerajaan sentiasa memikirkan pelbagai kaedah baharu dalam usaha meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan, termasuklah golongan nelayan," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad; Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Johor, Mohd Farid Sharif dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd Aziz.



Mohamed Khaled (kanan) meninjau keadaan Pasar Nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru, semalam

Mohamed Khaled berkata, kerajaan pusat menerusi LKIM telah memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta bagi

pembinaan pasar nelayan di Johor sejak 2007 hingga tahun lalu. Menurutnya, sebanyak

10 pasar nelayan diwujudkan bagi membantu golongan itu menambah pendapatan, sekali gus memanfaatkan loka-

si strategik di kawasan yang mempunyai jeti pendaratan ikan yang banyak sehingga kini.

"Pembinaan pasar nelayan di Johor penting dalam usaha menunjukkan bagaimana kerajaan negeri memberi perhatian mengenai nasib dan masa depan masyarakat nelayan yang dimanipulasikan orang tengah terhadap hasil tangkapan mereka.

"Kerajaan negeri berpendapat adalah penting untuk terus mempertahankan komuniti nelayan dengan cara membantu memenuhi kehendak dan keperluan, sekali gus dapat memperoleh pendapatan yang setanding atau sekurang-kurangnya menyamai pendapatan bidang lain," katanya.



KOSMO

Kosmo 14/8/2016

Suntik dana RM150,000 bina medan selera

PASIR GUDANG - Kerajaan negeri menyuntik dana sebanyak RM150,000 untuk pembinaan Medan Selera Kampung Baru Pasir Gudang sebagai tarikan baharu sektor pelancongan di kawasan perkampungan itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaleq Nordin berkata, pembinaan projek itu dijangka dimulakan pada tahun depan yang akan menyediakan sajian berasaskan makanan laut.

Menurutnya, medan selera tersebut secara tidak langsung mampu menambah pendapatan nelayan di kawasan berkenaan yang popular dengan hasil laut.

"Pihak kerajaan negeri komited dalam membantu nelayan di negeri ini mampu menjana pendapatan sendiri selain daripada bergantung kepada hasil tangkapan semata-mata," katanya pada majlis perasmian Pasar Nelayan Ikan Segar di Kampung Pasir Gudang Baru

di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Johor, Mohd. Farid Sharif dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz.

MOHAMED KHALED (tiga dari kanan) menunjukkan antara hasil laut yang dijual di Pasar Nelayan Ikan Segar Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang semalam.

